



30 Disember 2021  
30 December 2021  
P.U. (A) 493

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KEDUA) 2021

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM  
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES  
(AMENDMENT OF FIRST AND SECOND SCHEDULES)  
ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN  
PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM  
(PINDAAN JADUAL PERTAMA DAN KEDUA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 85 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613], Menteri Kewangan membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan Jadual Pertama dan Kedua) 2021.**

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Pertama dalam Bahagian I—

(a) dengan menggantikan perenggan 25 dengan perenggan yang berikut:

“25. Aktiviti pengendalian suatu pasaran diiktiraf yang dijalankan oleh pengendali pasaran diiktiraf yang didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 25 perenggan yang berikut:

“26. (1) Aktiviti yang dijalankan oleh orang yang dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berhubungan dengan satu atau lebih daripada yang berikut:

- (a) menyediakan simpanan selamat, penstoran, pemegangan atau penjagaan mata wang digital atau token digital bagi akaun orang lain; atau
  - (b) menyediakan khidmat perantaraan dan nasihat yang berhubungan dengan tawaran atau penjualan mata wang digital atau token digital.
- (2) Bagi maksud perenggan ini, "mata wang digital" dan "token digital" merujuk kepada mata wang digital dan token digital yang ditetapkan sebagai sekuriti di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019 [P.U. (A) 12/2019].".

### **Pindaan Jadual Kedua**

3. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas kepala Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563], butiran dan butir-butir yang berhubungan dengannya kepala, butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>*Perihalan</i>
<b>Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599]</b>	
Seksyen 16	Menuntut atau menyetujui terima bayaran tanpa niat untuk membekalkan „;

- (b) di bawah kepala Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], dengan memasukkan sebelum butiran "Seksyen 21" dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>*Perihalan</i>
“ Seksyen 8	Kuasa Pengawal untuk mendapatkan maklumat
Seksyen 16	Kesalahan menjual barang-barang kawalan tanpa lesen
Subseksyen 20(1)	Pemindahan barang-barang kawalan dari premis perniagaan dan penyimpanan barang-barang kawalan di premis selain premis yang dilesenkan, dan berurusan dengan barang-barang kawalan selain mengikut perjalanan biasa perniagaan ”;

(c) di bawah kepala Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U. (A) 103/1974], dengan memasukkan selepas butiran “Peraturan 3” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Kesalahan</i>	<i>*Perihalan</i>
“ Subperaturan 9(2)	Kesalahan pemborong yang menjual barang-barang terjadual kepada orang yang tidak diberi kuasa untuk berurusan dengan barang-barang terjadual
Peraturan 11	Sekatan pembelian oleh pemborong dan peruncit ”;

(d) di bawah kepala Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730], dengan memasukkan selepas butiran “Seksyen 8” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butiran dan butir-butir yang berikut: